

Pupuk keusahawanan pelajar di universiti

KUALA LUMPUR 13 Dis. - Pelbagai inisiatif akan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai langkah memperkukuhkan ekosistem keusahawanan menjadi lebih efektif termasuk menggalakkan penglibatan pelajar dalam bidang itu di institusi pengajian tinggi.

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Tan Sri Noorul Ainur Mohd. Nur berkata, usaha itu termasuk menyediakan peluang keusahawanan kepada pelajar di pusat pengajian tinggi untuk memastikan berlaku perubahan dalam transformasi keusahawanan dan juga pembangunan pelajar.

Beliau berkata, proses transformasi itu juga diharap dapat menjadikan dasar dan polisi kementerian itu terus relevan dengan keperluan industri pada masa depan, bertepatan dengan Blueprint kementerian itu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 2015.

“Menjelang 2020, kementerian menyasarkan lima peratus pelajar pusat pengajian tinggi memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya, sebaik menamatkan pengajian.

“Kita juga mahu melihat sekurang-kurangnya 15 peratus pelajar terlibat dalam aktiviti keusahawanan ketika masih mengikuti pengajian di universiti,” katanya pada Simposium Keusahawanan Pendidikan Tinggi bersempena Sidang Kemuncak Komuniti Keusahawanan Global (GECCommunity) 2017, di sini semalam.

Simposium itu bertujuan membincangkan langkah-langkah memperkukuhkan ekosistem keusahawanan menjadi lebih efektif di institusi pengajian tinggi.

Noorul Ainur berkata, selain penekanan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan, pihaknya menggesa pusat pengajian tinggi di negara ini memanfaatkan sepenuhnya sumber-sumber yang boleh mendatangkan pendapatan me-



NOORUL AINUR MOHD. NUR

lalui pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti.

Katanya, kementerian juga mahu melihat lebih banyak penyelidikan yang memberi impak kepada masyarakat diberi keutamaan berbanding penyelidikan berkaitan ilmu-ilmu asas (fundamental).

“Kita akan cuba memperlahankan penyelidikan yang berasaskan teori, sebaliknya akan memberi tumpuan kepada penyelidikan yang menyumbang manfaat kepada masyarakat seperti yang dilaksanakan melalui Program Jaringan Penyelidikan Swasta-Awam (PPRN),” katanya.

Menurut beliau, institusi pengajian tinggi negara terus menunjukkan prestasi membanggakan melalui peningkatan ranking sejak enam tahun lalu termasuk memperoleh tempat dalam ranking universiti penyelidikan.

“Lima universiti kita iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) tersenarai antara lapan universiti terbaik di ASEAN.

“Dalam ranking universiti penyelidikan pula, kelima-lima universiti ini berada dalam kumpulan satu peratus terbaik antara 26,000 universiti di dunia,” katanya.